

Ujian siaran mudah alih digital berjaya

Oleh Shahrizan Sallan

MALAYSIAN Technical Standards Forum Bhd (MTSFB), badan yang diberi tanggungjawab untuk memantau dan membangun piawai industri multimedia tempatan, baru-baru ini berjaya menyelesaikan satu ujian percubaan Penyiaran Mudah Alih Digital.

Ujian yang dilaksanakan selama tiga bulan dan berakhir bulan lalu, itu bertujuan membangunkan rangka kerja dan dasar selaras kebendak pelan induk MyICMS 885 yang digariskan Suruhajaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Pelan induk MyICMS 886 disediakan bagi memacu penyempurnaan perkhidmatan teknologi maklumat, komunikasi dan multimedia di negara ini.

Pengurus Kanan MTSFB, Amirul Ahmad, berkata ujian percubaan berkenaan dilaksanakan bagi menguji tiga aspek terpenting dalam segmen penyiaran mudah alih iaitu kejelasan, pergerakan dan kawasan liputan.

"Tujuan utama ujian ini adalah untuk menguji kesesuaian perkhidmatan penyiaran digital multimedia di negara ini pada masa depan," ka-

tanya dalam satu temubual di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Amirul menjelaskan, selepas ini pihaknya akan menghantar laporan ujian percubaan berkenaan kepada SKMM sebelum mendapat 'lampu hijau' bagi melancarkan secara komersial.

“Ujian percubaan itu menyediakan pengalaman berguna kepada peserta, yang mana keputusan ujian akan digunakan untuk menyokong penyediaan standard perkhidmatan penyiaran mudah alih di negara ini”

Amirul Ahmad
Pengurus Kanan MTSFB

Katanya, ujian percubaan itu menyediakan pengalaman berguna kepada peserta, yang mana keputusan ujian akan digunakan untuk menyokong penyediaan standard perkhidmatan penyiaran mudah alih di negara ini tidak lama lagi.

"Peserta yang terlibat dalam ujian percubaan itu adalah organisasi dalam industri penyiaran dan mudah alih di bawah kumpulan kerja mudah alih MTSFB," katanya.

Antara peserta yang termasuk di bawah kumpulan kerja itu termasuk Radio Televisyen Malaysia (RTM), Astro, NTV7, MYTV, Digi, Maxis, Celcom, TM Bhd, AMPS, PTT Unitrunk Sdn Bhd, HotFM, R&S Sdn Bhd, flyFM, Suria FM, ADIB, NERA Sdn Bhd, Dimensitek Sdn Bhd dan Merchandise Gentry.

Amirul berkata, dengan adanya satu piawai dalam industri penyiaran mudah alih digital, semua pihak akan mendapat manfaat bersama iaitu pengendali mudah alih dan penyiar boleh meraih keuntungan manakala pelanggan memperoleh perkhidmatan tambah nilai.

"Sebagai sebuah badan yang berkecuali, kami berharap lebih banyak peserta industri multimedia tempatan akan menyertai kumpulan kerja MTSFB pada masa depan untuk

membangunkan pelbagai standard dalam industri untuk manfaat bersama," katanya.

Mengulas rancangan masa terdekat MTSFB, Amirul berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Korea Selatan untuk menganjurkan seminar mengenai teknologi penyiaran mudah alih sempena Kongres Teknologi Maklumat Dunia 2008 (WCIT 2008) di ibu negara Mei ini.

"Sempena Sukan Olimpik Beijing Ogos ini pula, kami sedang dalam perbincangan dengan SKMM dan RTM untuk melaksanakan penyiaran televisyen definisi tinggi. Ujijannya akan dilaksanakan satu hingga tiga bulan sebelum penganjuran sukan itu," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga akan bekerjasama dengan SKMM untuk melaksanakan projek sambungan jalur lebar berkelajuan tinggi sejajar hasrat Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi untuk menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi di negara ini.

Antara penapaian MTSFB setakat ini ialah diberikan tanggungjawab sebagai 'Standards Writing Organizations' oleh Sirim Bhd untuk membangunkan Standard Malaysia bagi industri komunikasi dan multimedia.